



"TINGKATKAN IMAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ
مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ
عِقبَةُ الْأُمُورِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ
وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا
تُمْوِنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah bersama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi syariat, melaksanakan perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya bagi menjamin keredhaan Allah SWT. Persiapkanlah bekalan untuk kehidupan di akhirat, sesungguhnya taqwa adalah sebaik-baik bekalan.

Kehidupan di zaman yang semakin maju dan penuh cabaran telah menguji keutuhan peribadi muslimin masa kini. Tanpa kekuatan dalaman yang benar-benar ampuh mereka pasti akan hanyut bersama arus perdana yang semakin ganas merempuh benteng-benteng iman insan yang rapuh. Lantaran daripada situasi tersebut, Khutbah hari ini adalah berkisar tajuk "*Tingkatkan Iman Tanggungjawab Bersama*".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Keyakinan diri adalah satu ciri istimewa yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat yang menjadi lambang untuk mereka dikenali dan dipandang tinggi. Orang-orang yang mempunyai keyakinan, akan mampu mempertahankan prinsip yang dipercayainya, walaupun berada di tengah persekitaran yang mencabar pegangannya. Di dalam Islam, prinsip yang membentuk jati diri ini adalah iman dan taqwa. Jati diri akan melahirkan insan yang bersikap positif dan berbudipekerti



mulia. Iman perlu disemai dan dipupuk di dalam diri setiap muslim bagi menjamin keutuhan jati diri mereka. Tanpa iman, seseorang itu akan terlibat dengan pelbagai kemungkaran dan maksiat. Tanpa iman, seseorang pemimpin akan terlibat dengan rasuah. Tanpa iman, seseorang pekerja akan hilang amanah. Tanpa iman, seseorang anak akan mudah menderhaka kepada kedua ibubapanya. Tanpa iman jugalah seorang gadis akan hilang malu dan maruah!

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يَسْرُقُ حِينَ يَسْرُقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرَبُ
الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَزِّنِي
حِينَ يَزِّنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ.

"Tidak akan mencuri seseorang pencuri jika ketika itu dia beriman, tidak akan minum arak seseorang itu jika ketika meminumnya dia beriman dan tidak akan berzina seseorang yang berzina sekiranya ketika itu dia beriman".
(Riwayat Ahmad)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Hari ini, akibat kerapuhan sahsiah diri, kita dapat saksikan di kalangan remaja dan yang dewasa terikut-ikut dengan cara dan gaya hidup musuh Islam yang sememangnya sentiasa berusaha meracuni minda dan pegangan hidup. Anak muda bahkan yang dewasa bergaul bebas tanpa batasan, berhibur secara keterlaluan, sibuk mengejar




keseronokan sehingga mengabaikan solat dan tuntutan syariat. Tiada apa lagi yang boleh diharapkan dari mereka yang telah hanyut dan tenggelam bersama sahsiah diri yang telah rosak itu. Mereka hilang pedoman dan arah tujuan. Cara berfikir dan menilai sesuatu juga telah jauh menyimpang daripada panduan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Akhirnya hidup mereka menjadi hina di dunia bahkan menanggung azab di akhirat.

Benarlah firman Allah dalam surah al-A'a'raf ayat 179 :

صَلَ

وَلَقَدْ ذَرَانَا لِجَهَنَّمْ كَثِيرًا مِنْ أَلْجِنْ وَالْأَنْسِ
هُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا
يُبَصِّرُونَ بِهَا وَهُمْ أَذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ
كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ



"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai".



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Menyedari masalah ini, kita perlu bertindak memastikan agar umat Islam hari ini memperolehi kesedaran dan keinsafan daripada kealpaan. Mereka perlu kembali memupuk iman dan membangunkan sahsiah diri. Justeru, semua pihak perlu saling bekerjasama memupuk usaha yang murni ini. Bermula dari diri sendiri sehingga ke peringkat negara perlu bersama-sama menggembungkan tenaga untuk menjayakannya. Ingatlah bahawa membangunkan sahsiah diri adalah tanggungjawab bersama yang perlu disempurnakan. Antara langkah-langkah perlu dilakukan ialah :

Pertama : Umat Islam perlu belajar dan mendidik diri untuk bijak menilai serta memilih perkara yang baik atau buruk.

Sebagai contoh, remaja mudah dipengaruhi oleh rakan rakan rapatnya dan banyak menghabiskan masa bersama mereka. Jika baik rakannya maka banyaklah kebaikan yang bakal diperolehinya. Mereka akan sentiasa berada di dalam suasana ingat-mengingatkan dalam kebenaran, meningkatkan ilmu dan syakhsiah sebagai remaja muslim. Sebaliknya, jika rakan-rakannya adalah mereka yang selalu melakukan kemungkaran, maka kesan buruknya akan terpalit juga padanya. Mereka akan hanya sibuk dengan hiburan, kemungkaran dan akitiviti yang tidak bermanfaat.

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:



"Sesungguhnya perumpamaan berkawan dengan orang yang soleh dan berkawan dengan orang yang jahat adalah seperti seseorang yang membawa minyak wangi dan seseorang yang meniup dapur tukang besi. Orang yang membawa minyak wangi, mungkin beliau akan memberikannya kepadamu atau mungkin kamu akan membeli darinya dan mungkin kamu akan mendapat bau yang harum darinya. Manakala orang yang meniup dapur tukang besi, mungkin akan membakar pakaianmu dan mungkin kamu akan mendapat daripadanya bau yang busuk".

(Riwayat Bukhari)

Kedua : Ibumbuma memainkan peranan yang penting dalam memastikan keluarga mereka berada didalam suasana kehidupan yang baik. Mereka bertanggungjawab untuk mengenali dan mendekati anak-anak dan menggalakkan mereka untuk turut serta melakukan aktiviti-aktiviti luar yang sihat. Sebahagian ibu-bapa menganggap bahawa tanggungjawab mereka hanya mencari nafkah semata-mata. Akibatnya ramai anak-anak remaja terbiar tanpa didikan dan kasih sayang yang sepatutnya. Lalu bersikap lebih mempercayai dan terpengaruh dengan ajakan songsang rakan-rakan yang liar. Di samping itu, ibu bapa juga perlu menggalakkan anak-anak berpegang teguh kepada syariat Islam serta menjadikan syariat sebagai asas rujukan kepada setiap perbuatan mereka. Renungilah pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya yang dirakamkan dalam Surah Luqman ayat 17:



يَبْنَىٰ أَقِمْ الصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ
إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْوَارِ



"Wahai anak kesayanganku! Dirikanlah solat dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya".

Ketiga : Guru dan golongan pendidik hari ini perlu menjadi mursyid dan murabbi yang berwibawa, sentiasa bersedia mendidik pelajar-pelajarnya dengan sikap yang baik dan berwawasan seperti bersungguh-sungguh, mesra, bertimbang rasa, sabar, prihatin dan bertanggungjawab.

Ingalah bahawa kerjaya guru adalah suatu amanah yang perlu disempurnakan. Kegigihan dan kesungguhan mendidik adalah suatu perjuangan yang pasti mendapat ganjaran besar di sisi Allah. Untuk mengelakkan gejala sosial dan pengaruh budaya liar daripada merebak dan terus melanda masyarakat kita, para guru dan pendidik perlulah menanamkan asas aqidah Islam dan keimanan kepada Allah SWT. Bentuklah sahsiah diri para pelajar supaya berakhlak



mulia dan takutkan azab di akhirat. Janganlah jemu untuk terus menasihati, mendidik, membentuk dan mengasuh jiwa para pelajar dengan nasihat yang baik. Dalam masa yang sama, guru juga perlulah mempamerkan sahsiah Islam yang akan menjadi contoh dan ikutan para pelajarnya.

Keempat : Pengusaha media massa sama ada media elektronik atau media cetak perlulah bersama memikul tanggungjawab membangunkan generasi masa kini. Janganlah hanya memikirkan keuntungan semata-mata sehingga menggadaikan bangsa dan agama yang tercinta dengan cerita-cerita yang tidak bermoral, cerita hantu dan seram serta hiburan yang liar tanpa matlamat. Mereka berperanan besar dalam pembentukan minda dan gaya hidup masyarakat. Perbanyakkanlah cerita-cerita atau artikal-artikal yang berunsur dakwah dan pendidikan di samping hiburan-hiburan yang membina minda dan keperibadian. Ingatlah, setiap paparan yang diterima dan ditonton oleh masyarakat, sama ada baik atau buruk, ia merupakan pelaburan yang bakal kita tuai hasilnya di akhirat sana.

Hadis daripada Juhaifah R.A, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang mengajarkan suatu kebaikan lalu diamalkan orang selepasnya maka untuknya pahala



mereka yang mengamalkannya tanpa mengurangi pahala para pelaku amalan tersebut, begitu juga sesiapa yang mengajarkan suatu kejahataan lalu diamalkan orang selepasnya maka untuknya bebanan dosa mereka yang mengamalkannya tanpa mengurangi dosa para pelaku amalan tersebut”.

(Riwayat Ibnu Majah)

Sekiranya semua pihak berganding bahu dan bekerjasama dalam usaha membangunkan umat Islam di negara ini, insya Allah suatu hari nanti kita akan melihat hasilnya. Akan lahirlah nanti generasi yang hidup berpandukan syariat dan bertunjangkan iman, berdiri teguh dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah sebagai pedoman. Inilah keperibadian muslim sebenar yang kita harapkan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita imbas kembali kandungan-kandungan penting khutbah pada hari ini, antaranya :

Pertama : Sesungguhnya sahsiah diri adalah lambang keampuhan diri seseorang atau sekumpulan manusia yang perlu dibangunkan dan dipertahankan.

Kedua : Bahawa sahsiah diri umat Islam adalah keperibadian yang dibentuk bertunjangkan iman dan taqwa, berpandukan alQuran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.



Ketiga : Bahawa membangunkan sahsiah yang baik adalah tanggung jawab semua pihak. Kerjasama yang jitu dan berterusan adalah faktor utama yang akan menjamin kejayaan usaha murni ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَهُدِّيَّنَاهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ
الْمُحْسِنِينَ

٦٩

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang yang berusaha membaiki amalannya".

(Al-Ankabut : 69)

بَارَكَ اللَّهُ لِي ۖ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي ۖ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِي ۖ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ ۖ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔

أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ حَيَّا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيماً。



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ لَا حَيَاءَ مِنْهُمْ وَلَا لَمَوَاتٍ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيِّكَ لَا إِمِينَ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّاعُورَ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاعُورَ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



ابنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْأَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلنُّمُوَظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعْمَيْهِ يَزِدِكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.